

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Tuan Idris Bin Haji Ahmad
[Bukit Gantang

TARIKH : 13 November 2017 (RABU)

SOALAN : (Tuan Idris Bin Haji Ahmad) minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan:-

berapakah tanah sawah yang telah
ditukar kepada tapak industri dan
perumahan daripada tahun 2010 hingga
2016 dan apakah usaha untuk
mengurangkan pergantungan kepada
beras import .

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan telah mengezonkan 12 buah kawasan jelapang termasuk 4 buah kawasan jelapang baru sebagai kawasan tanaman padi iaitu seluas 213,979ha daripada keseluruhan keluasan kawasan tanaman padi iaitu 289,531ha. Walau bagaimanapun perubahan tanah pertanian kepada sektor industri dan perumahan adalah tertakluk kepada perancangan pembangunan tanah di bawah kuasa Kerajaan Negeri.

Kementerian sentiasa berusaha mencari kaedah untuk meningkatkan hasil dan mutu pengeluaran padi seluruh negara bagi mengurangkan pergantungan kepada beras import. Antara usaha yang telah dan sedang dilaksanakan adalah:-

- (i) pengurusan secara berpusat di bawah NKEA (EPP11);
- (ii) pengukuhan infrastruktur pengairan dan saluran;
- (iii) pengamalan teknologi pertanian tepat;
- (iv) meningkatkan penggunaan automasi dan mekanisasi;
- (v) penggunaan benih padi sah; dan
- (vi) pengenalan kepada varieti benih baru seperti MARDI 284 dan MARDI Siraj 297.